

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Penyelia Projek Pn. Abtar Kaur di atas segala bimbingan, nasihat, dan sokongan yang diberikan bagi menjayakan kajian ini. Segala sumbangan beliau dari segi pandangan, idea, masa dan tunjuk ajar sehingga terhasilnya laporan kajian ini adalah tidak terhingga nilainya.

Ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada pegawai Bahagian Teknologi Pendidikan SibU, En. Yik How Sing dan penyelaras Pusat Kegiatan Guru SibU, Puan Jacinta Huong di atas kesediaan dan bantuan yang diberikan dalam menganjurkan bengkel untuk kajian ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pengetua-pengetua sekolah yang terlibat serta guru-guru yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Cik Zanariah Bt. Muhamad di atas bantuan beliau dalam membuat beberapa pembetulan kepada komponen templat pembelajaran dan Cik Yeow Bee Keong dari Pusat Perkembangan Multimedia, Universiti Malaya kerana sudi membantu mencipta akaun pengguna bagi templat pembelajaran tersebut.

Penghargaan juga ditujukan kepada pengerusi Jawatankuasa Teknologi Maklumat PKG Daerah SibU, Cikgu Richard A/L Anok; dan Cikgu Mohd. Me'eraj Abd. Rahman kerana membantu pengkaji semasa bengkel untuk kajian yang dijalankan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga diabadikan kepada rakan-rakan dan ahli keluarga yang telah memberi galakan dan sokongan sepanjang kajian ini dijalankan.